

Sekolah dapat elektrik hibrid

BH - 09/07/2007
Kemudahan bekalan tenaga ganti generator bantu pelajar, guru SMK Umas-Umas

Oleh Mohd Azrone Sarabatin

TAWAU: Pergantungan kepada generator yang menyukarkan aplikasi internet sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) tidak lagi menjadi masalah bagi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Umas-Umas, di sini.

Sejak awal bulan lalu, 1,140 pelajar dan 72 guru sekolah itu nyata lebih ceria kerana penyaluran elektrik hibrid mengatasi masalah yang membelenggu mereka sejak sekian lama.

Kemudahan terkini itu menambah kapasiti bekalan elektrik melalui generator, sekali gus bilik akses komputer yang dilengkapi 10 unit komputer untuk P&P dapat berfungsi dengan lancar.

Pengetua SMK Umas-Umas, Jamiyah Rahmad, berkata kemudahan itu turut menampung penggunaan lampu dan penghawa dingin yang memberi keselesaan kepada warga sekolah, terutama bagi proses P&P.


Walaupun belum dapat menampung sepenuhnya bekalan elektrik kerana masih di peringkat awal operasi, beliau berkata, kemudahan itu dapat memantapkan bekalan tenaga sedia ada.

Beliau berkata, ketika musim hujan generator dan bateri menjadi tenaga sokongan kerana elektrik hibrid gagal berfungsi.

"Saya yakin kapasiti tenaga elektrik disalurkan melalui elektrik hibrid dapat dipertingkatkan, sekali gus boleh disalurkan ke asrama," katanya kepada *Berita Harian*, di sini.

Projek elektrik hibrid di SMK Umas-Umas mula dibina Januari lalu dan beroperasi awal bulan lalu. SMK Umas-Umas terletak di Felda Umas-Umas, 70 kilometer dari sini.

Selain kemudahan elektrik hibrid, sekolah itu turut menerima peruntukan pembinaan asrama lelaki



CELIK IT: Pelajar SMK Umas-Umas memanfaatkan komputer untuk melayari portal pendidikan selepas sekolah itu mendapat bekalan elektrik hibrid.

“Kemudahan ini pasti membantu kami mencapai kecemerlangan”

Muniandy Subramaniam
Penyelia Petang SMK Umas-Umas

dan Terminal Bukan Amat Kecil (VSat) untuk memudahkan akses internet.

Pelajar, Norsafinas Abdul Kifli, 14, berkata kemudahan itu memanfaatkan pelajar seawal Tingkatan Satu untuk mempelajari teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berikutan penyaluran elektrik hibrid.

"Sebelum ini memang sukar menggunakan bilik akses komputer tetapi

kini ia bukan masalah lagi," katanya.

Penyelia Petang SMK Umas-Umas, Muniandy Subramaniam, berkata pelajar Tingkatan Satu yang sebahagian besarnya tiada asas komputer dan internet sebagai P&P mendapat manfaat penyaluran kemudahan berkenaan.

Katanya, pelajar terbabit tekun mengulang kaji pelajaran menggunakan

portal pendidikan selepas diberi pendidikan mengenainya sejak sebulan lalu dan ini boleh membantu mereka mencapai kecemerlangan.

"Sudah pasti kemudahan ini membantu kami mencapai kecemerlangan terutama mendapatkan bahan P&P daripada portal pendidikan yang diiktiraf Kementerian Pelajaran dan pastinya memberi manfaat kepada pelajar," katanya.